

Penggunaan Bahasa Retorik Dalam Pewahanaan Informasi COVID-19 Di Negara Brunei Darussalam

[The Use of Rhetorical Language in The Spread Of COVID-19 Information in Brunei Darussalam]

Dewi Hj Samri¹ and Haziq Aisha²

Program Bahasa Melayu dan Linguistik
Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam

Abstrak

Keberkesanan penyampaian sesuatu maklumat memerlukan individu, alat mahupun saluran yang unggul dan bersesuaian. Usaha ini haruslah dirancang dan dipertimbangkan dengan teliti oleh pihak tertentu agar setiap apa yang ingin disampaikan dan dilaksanakan itu dapat diberigakan dengan mudah dan berkesan. Dari itu, penggunaan bahasa retorik dilihat sebagai batu loncatan yang memberikan keyakinan dan tahap keberkesanan yang tinggi bagi sesebuah wacana yang disampaikan tersebut. Kewibawaan retorik sebagai seni yang mempengaruhi bukan sahaja berperanan untuk memperkukuhkan kekuasaan mahupun mempengaruhi fikiran dan emosi orang lain namun sebaliknya mampu menstimulasikan keseimbangan hubungan sosial yang terbentuk melalui sistem pemerintahan sesebuah negara. Melalui penyelidikan ini, setiap ciri khas retorik dapat diketengahkan dengan menghuraikan peranan dan fungsi-fungsi yang dimainkan oleh jenis-jenis retorik dalam penulisan sesebuah wacana. Hal ini khusus bagi mengilustrasikan idea, gagasan mahupun suatu fakta terhadap sesuatu pendekatan dengan cara yang kreatif dan terbaik. Di samping itu, keutamaan bagi penerapan bahasa retorik dalam perutusan kerajaan seharusnya dapat diperkasakan sewajarnya dengan menjadikannya sebagai anjakan paradigma ke arah perpaduan dan nilai kesaksamaan dalam masyarakat. Justeru, kajian ini memanfaatkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) sebagai landasan utama dalam menganalisis sejumlah 20 perutusan rasmi berkaitan jangkitan covid-19 di Negara Brunei Darussalam. Berdasarkan pemerhatian dan penganalisan yang dijalankan, hanya empat jenis retorik yang diaplikasikan dalam wacana tersebut. Kesimpulan statistik merangkumi 34% teknik pendedahan, 30% teknik penerangan, 33% teknik pemujukan dan hanya 3% bagi teknik penghujahan. Dapatan penyelidikan ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa retorik dalam perutusan rasmi kerajaan adalah amat penting dalam memperkukuhkan sistem pemerintahan negara serta mampu melestarikan cara hidup yang relevan dan berkualiti.

Kata Kunci: Retorik, Covid-19, Perutusan Kerajaan, Interaksi Sosial, Kolaborasi.

Abstract

¹ dewi141797@gmail.com

² haziqaisha4295@gmail.com

The effectiveness of delivering information requires individuals, tools or channels that are superior and appropriate. This effort must be planned and considered carefully so that everything that is to be conveyed and implemented can be conveyed easily and effectively. Therefore, the use of rhetorical language is regarded as a stepping stone that provides confidence and a higher level of effectiveness. Rhetoric as an influential art not only plays a role in strengthening power or influencing the thoughts and emotions of others but also stimulate the balance of social relations. Through this research, each rhetorical feature is highlighted to discuss its role and functions in the discourse. Using Enos and Brown's Modern Rhetorical Theory (1993), a total of 20 official conferences on the latest developments of the spread of covid-19 infection were discussed. Findings have shown that there were four main types of rhetoric, i.e. Statistical conclusions which include 34% of expository techniques, 30% of descriptive, 33% of persuasion and only 3% for argumentation techniques. This also implies that rhetoric language is very important in ensuring the dissemination of knowledge among the institution and people is effective and and transparent.

Keywords: *Rhetoric, Covid-19, Government Conference, Social Interaction, Collaboration.*

Pengenalan

Perkembangan komunikasi massa telah banyak memberikan impak terhadap cara manusia berfikir dan berinteraksi (Hashim, 2001:17). Hal ini merangkumi pelbagai kemajuan dalam proses berkomunikasi sama ada daripada sumber, saluran, mesej mahupun penerima. Komunikasi massa bermaksud sesuatu proses berkomunikasi antara individu yang menjadikan media sebagai saluran atau perantaraan utama bagi menyampaikan dan penerimaan mesej atau maklumat (Khomsahrial, 2016:1-2). Media yang ditumpukan adalah media cetak dan media elektronik (Abdullah & Ainon, 1997:3). Justeru, konsep media massa difahami sebagai penglibatan pelbagai saluran yang dimanfaatkan oleh sesuatu organisasi tertentu bagi menyebarkan maklumat secara massa ataupun meluas kepada khalayak umum (Eko, 2013:478). Terdapat lima ciri utama bagi mengidentifikasi penggunaan media massa, iaitu; jumlah audiens yang besar ataupun ramai; khalayak pelbagai ragam; sasaran secara rawak dan berselerak atau tidak tentu; sumber dan penerima mesej saling tidak mengenali; dan, tujuan penyebaran maklumat yang telah ditentukan ataupun sumber yang memiliki motif tersendiri (Rijal, 2019:3).

Dalam pada itu, pihak kerajaan merupakan salah satu organisasi utama yang bertanggungjawab dalam memainkan peranan dan fungsi media massa bagi mewujudkan kesejahteraan sistem pentadbiran negara dan kehidupan masyarakat keseluruhannya. Setiap hubungan interaksi yang dijalin melalui media massa perlulah diselenggarakan dengan tepat dan teliti. Perkara ini termasuklah kepentingan bagi penerapan retorik agar proses interaksi yang dilangsungkan tersebut tidak menimbulkan apa-apa keraguan, kesalahfahaman dan hal-hal negatif lainnya (Mazlan & Zaitul, 2016:11). Oleh itu,

penyelidikan ini memfokuskan pada pengaplikasian bahasa retorik terhadap teks-teks perutusan rasmi kerajaan berkaitan perkembangan terkini isu penularan *covid-19* di Negara Brunei Darussalam dengan bersandarkan teori retorik moden yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993).

Latar Belakang

Menurut Noor Latifah *et. al* (2021:2), *Acute Respiratory Disease Syndrome* pertama kali dilaporkan pada bulan Disember 2019 di Wuhan, wilayah Huebei, Republik Cina. Kes jangkitan didapati meningkat secara drastik pada awal bulan Januari 2020. Peningkatan tersebut menyebabkan berlakunya penyebaran ke beberapa buah negara seperti di Korea Selatan sehinggalah ke Singapura (Hidzani dan Izzudin, 2021:245). Pada mulanya, penyakit ini dikenali sebagai *2019 Novel Coronavirus (2019-nCoV)* dan turut diisytiharkan sebagai pandemik. Hal ini disebabkan oleh penularan jangkitan yang melibatkan sejumlah besar penduduk dunia. Kini, penyakit tersebut dikenali sebagai *Virus Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus-2 (SARS-CoV-2)* (Elmy dan Exzayrani, 2020:60).

Menurut Justin *et. al* (2020), kes pertama yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam direkodkan pada 09hb Mac 2020. Manakala sehingga bulan April 2020, negara ini telah merekodkan sebanyak 138 kes jangkitan. Menurut Sidang Media Kementerian Kesihatan yang dikeluarkan pada hari Sabtu, 07hb Ogos 2021, terdapat penularan jangkitan tempatan *covid-19* yang disahkan di Negara Brunei Darussalam. Ini bererti berlakunya penularan gelombang kedua selepas 457 hari sejak kes terakhir dilaporkan pada 06 Mei 2020 yang lalu (Nuzuluddin, 2021). Perkara ini tentunya boleh diramal dan tidaklah dianggap teruk sepertimana yang dijangkakan kerana perihai sedemikian turut berlaku di negara-negara lain. Malahan, terdapat beberapa buah negara yang sudah mengalami penularan jangkitan bagi gelombang ketiga dan keempat. Meskipun perkara ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan, namun ia membimbangkan pihak yang berkepentingan kerana penularan ini boleh terjadi pada bila-bila masa sahaja sepertimana yang melanda negara-negara lain pada masa ini.

Selain itu, penularan jangkitan ini turut berkesinambungan dengan penyebaran varian delta *covid-19*. Beberapa penelitian tertentu telah mendapati bahawa penularan bagi varian delta ini lebih pantas merebak berbanding jangkitan *covid-19* sebelum ini. Gejala-gejala yang dialami oleh penghidap penyakit *covid-19* lazimnya mengalami demam sehingga mencapai 38 darjah celsius, batuk kering dan berasa penat. Manakala, varian delta pula menyebabkan gejala yang lebih serius, seperti demam parah, sakit perut, muntah, gangguan pendengaran dan hilang selera makan (Noor Latifah *et. al*, 2021:2-3). Namun begitu, penularan ini masih boleh dikawal menggunakan pengambilan vaksin *covid-19*. Akan tetapi, menurut Organisasi Kesehatan Dunia (WHO), penyakit atau virus *covid-19* ini dikatakan berkemungkinan tidak akan hilang dan akan terus berpanjangan sehingga ke suatu masa yang tidak dapat dipastikan (BBC NEWS, 2020).

Permasalahan Kajian

Konsep solidariti mendukung kesatuan integriti dalam jalinan interaksi yang erat antara sesebuah masyarakat dan sistem pentadbirannya (Abdul Halim Ali, 2005:2). Perkara ini memainkan peranan penting bagi menjamin keutuhan dan kesejahteraan hidup sesuatu bangsa terutama dalam menempuh kemajuan dan cabaran era baharu. Dengan kemelut penularan *covid-19* di seluruh dunia, media massa dilihat sebagai agen utama dalam memperkasa ketelusan sistem pemerintahan di samping mewujudkan pertalian timbal balik (*reciprocity*) antara? dan? serta menjadikan bahasa selaku pemangkinnya. Melalui inisiatif tersebut, secara tidak langsung penggunaan bahasa retorik bukan sahaja disimbolkan sebagai suatu seni malah membentuk fikiran dan cara hidup masyarakat yang produktif bagi melestarikan keharmonian hidup yang berterusan. Oleh itu, ketekunan dalam memelihara keyakinan dan nilai saksama bernegara perlulah dipertahankan bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang sentiasa peka dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing.

Objektif Kajian

1. Menghuraikan kepelbagaian ciri dan peranan khusus bahasa retorik dalam perutusan rasmi kerajaan.
2. Meneliti penanda-penanda dan fungsi bahasa retorik yang diterapkan dalam wacana Kementerian Kesihatan berkenaan status penularan jangkitan *covid-19* di Negara Brunei Darussalam berpandukan Teori Retorik Moden Enos dan Brown (1993).

Kajian Lepas

Penularan jangkitan *covid-19* di seluruh dunia telah banyak memberikan impak negatif terhadap sistem kehidupan manusia serta telah meragut banyak nyawa. Hal ini telah memberikan ruang sepenuhnya kepada pihak kerajaan untuk mencari solusi dan cara untuk menghentikannya. Meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan demi mencapai tujuan tersebut, penglibatan semua pihak amatlah diperlukan bagi sama-sama memainkan peranan agar setiap inisiatif kerajaan itu dapat dicapai dengan jayanya. Dalam hal ini, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan bagi menggambarkan situasi ini termasuk menerusi penggunaan memperkukuhkan bahasa retorik dalam pewahanaan informasi berkaitan pandemik *covid-19*. Antaranya termasuk kajian yang menghubungkan situasi sosial ini dengan analisis lakuan ujaran, neologisme dan wacana kritis seperti yang dilaksanakan oleh Shahrolnizam & Rohaidah (2021); Dimas & Irwansyah (2021); Sara Beden (2020), Aminnudin *et. al* (2021); Mukhlis *et. al* (2020) serta Mohamad Elmy & Exzayrani (2020).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Shahrolnizam & Rohaidah (2021), aspek daya ujaran dibincangkan sebagai unsur penting dalam penyampaian sesebuah wacana yang berkesan. Ia juga merupakan unsur tekstual yang menyumbang kepada kewibawaan sebuah wacana itu dengan lebih luas dan menyeluruh. Kajian yang telah dijalankan terhadap ucapan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 04 Februari 2021, telah membuktikan bahawa penglibatan bahasa retorik di dalam perutusan khas seseorang pemerintah memainkan peranan penting. Penggunaan ini juga mendukung pelbagai fungsi bagi menjayakan setiap usaha yang dilaksanakan. Dengan menerapkan pendekatan daya ujaran Fairclough (1989), kajian ini mendapati lima bentuk daya ujaran yang telah digunakan penutur, iaitu daya ujaran doa, peringatan (amaran), suruhan, pernyataan dan ajakan bagi memastikan maklumat mengenai *covid-19* disampaikan kepada seluruh masyarakat Malaysia dengan berkesan. Menurut Dimas & Irwansyah (2021), bahasa retorik memainkan peranan penting dalam menjamin kemudahan dan kejelasan setiap maklumat yang disampaikan serta menjadi pengukur bagi mengesan tahap kefahaman para pendengar. Daripada kajian yang dilakukan terhadap retorik juru bicara satgas *covid-19* melalui saluran You Tube, unsur retorik dipraktikkan juru bicara khusus bagi mempengaruhi fikiran dan tindakan orang lain agar tidak timbul sebarang masalah yang boleh menggugat kesejahteraan dan kedamaian negara. Dalam hal ini, kelima-lima unsur retorik yang digariskan Aristotle (1991), iaitu *invention*, *arrangement*, *style*, *delivery* dan *memory* ditekankan pemanfaatannya dalam mencapai objektif yang ingin dicapai.

Selain itu, Sara Beden (2020) pula menegaskan bahawa aspek kesantunan dalam berbahasa itu amatlah dituntut bagi memelihara nilai integriti kebangsaan yang dimiliki masyarakat Malaysia. Setelah Malaysia dikejutkan dengan penularan pandemik yang berbahaya, Perdana Menteri selaku pemimpin dilihat sebagai seseorang yang bertanggungjawab dalam menjaga dan mempertahankan kesejahteraan rakyat dan negara melalui inisiatif yang dilaksanakan dengan mengutarakannya kepada seluruh masyarakat secara santun dan berkesan. Daripada penelitian yang dilakukan terhadap perutusan Perdana Menteri bagi pakej rangsangan prihatin rakyat yang diumumkan pada 27 Mac 2020 dan 6 April 2020, kedua-dua perutusan menunjukkan kesejajaran yang signifikan dengan lima maksim Kesopanan Leech (1983), iaitu kebijaksanaan, kedermawanan, sokongan, persetujuan dan simpati. Selain itu, penyelidikan yang dilakukan Aminnudin *et. al* (2021) dan Mukhlis *et. al* (2020) menerapkan pendekatan yang berlainan, iaitu dengan menggabungkan teori lakuan ujaran dan wacana kritis. Menurut Aminnudin *et. al* (2021), penyampaian sesebuah wacana itu adalah gabungan fikiran dan ideologi yang memanfaatkan bahasa selaku pemangkinnya dan keberkesanannya boleh diteliti melalui pengaplikasian teori lakuan ujaran yang berpotensi meyakinkan pendengar. Kajian kualitatif yang dilakukan terhadap empat teks perutusan Perdana Menteri Malaysia bagi pengisytiharan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) mendapati bahawa setiap kategori lakuan bahasa arahan Bach & Harnish (1979), iaitu permintaan, keperluan, pertanyaan, larangan, nasihat dan permisif telah diaplikasikan oleh penutur. Ujaran yang terbanyak ialah arahan berbentuk keperluan sebanyak 21 kali. I diikuti pula dengan arahan berbentuk nasihat sebanyak 15 kali, arahan permintaan 10 kali, arahan larangan 7 kali dan bagi

arahan pertanyaan dan permisif masing-masing hanya sekali. Para pengkaji mendapati bahawa ucapan Perdana Menteri mengandungi lakuan bahasa arahan yang menunjukkan kekuasaan yang ada pada dirinya untuk memerintah dan membentuk persepsi rakyat sebagaimana yang dihasratkan.

Manakala, kajian Mukhlis *et. al* (2020) memanfaatkan kerangka tiga dimensi van Dijk (?) iaitu pada tahapan makro, mikro dan superstruktur untuk melihat unsur wacana dalam penulisan akhbar mengenai pembelajaran jarak jauh. Dapatan kajian ini menemui bahawa dimensi superstruktur menjelaskan tentang koheren dan skematik teks. Struktur makro pula mengupas mengenai tematik (topik yang dibahaskan dalam wacana), iaitu menghuraikan evaluasi penerapan kebijakan pembelajaran jarak jauh (PJJ) diikuti analisis terhadap elemen pada struktur mikro yang terdiri daripada latar, detil, maksud, praanggapan, bentuk kalimat (kalimat pasif dan aktif), koherensi (koherensi aditif/penambahan, koherensi sebab akibat, dan koherensi kontras), kata ganti (pronomina mereka dan kita), leksikon, grafis, dan metafora (majas).

Selain itu, kajian terhadap istilah-istilah neologisme yang wujud seiringan dengan fenomena *covid-19* di negara ini juga telah menarik perhatian Mohamad Elmy & Exzayrani (2020) untuk meneliti jenis-jenis pembentukan neologisme berdasarkan penanda-penanda leksikal yang ada. Kajian ini turut menegaskan bahawa penularan *covid-19* telah banyak memberikan kesan terhadap sistem kehidupan masyarakat merangkumi aspek kesihatan, pendidikan, perekonomian, bahasa dan sebagainya. Perkembangan terhadap penggunaan istilah-istilah tertentu merupakan pemangkin utama dalam menyebarkan pelbagai maklumat kepada masyarakat agar perkara yang ingin disampaikan dapat difahami dengan mudah. Di samping itu, segala arahan dan saranan daripada pihak kerajaan juga dapat dipatuhi dengan hati yang terbuka. Kajian ini tertumpu pada artikel dalam akhbar tempatan yang mengandungi istilah-istilah neologisme seperti kuarantin, pengesanan kontak, penjarakan sosial, isolasi, barisan hadapan dan lain-lain. Dengan memanfaatkan teori Krishnamurthy (2010), sejumlah 86 istilah neologisme telah dikumpulkan dan dianalisis berpandukan tiga elemen utama dalam teori berkenaan, iaitu pembentukan kata, peminjaman dan penyimpangan kata. Penelitian ini mendapati ketiga-tiga proses pembentukan tersebut dipraktikkan bagi menepati maksud dan konteks yang dikemukakan.

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa kajian tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa penerapan bahasa retorik merupakan unsur penting yang berpotensi dalam membentuk sesebuah wacana khususnya untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat. Biarpun teori dan pendekatan yang diterapkan berbeza dengan teori yang digunakan, seperti pendekatan daya ujaran (Fairclough, 1989), teori retorik (Aristotle, 1991), teori kesopanan (Leech, 1983), teori lakuan ujaran (Bach & Harnish, 1979), pendekatan tiga dimensi dan teori neologisme (Krishnamurthy, 2010). Akan tetapi, kewibawaan para sarjana dalam memanfaatkan teori-teori tersebut memberikan cetusan pandangan yang lebih jelas bagi mengaplikasikan kaedah yang tepat dan telus. Perkara ini

sekaligus dapat memberikan panduan bagi melahirkan penganalisan dan perbincangan yang lebih menarik, tuntas dan terperinci.

Meskipun Dimas dan Irwansyah (2021) turut menggunakan teori retorik namun penyelidikan tersebut lebih tertumpu pada penggunaan teori retorik klasik yang diasaskan oleh Aristotle (1991). Dalam pada itu, penyelidikan ini merupakan suatu lanjutan bagi penerapan teori retorik khususnya teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993) terhadap wacana perutusan pihak kerajaan berkaitan wacana *covid-19*. Walaupun terdapat beberapa kajian turut menggunakan wacana covid-19 yang disampaikan oleh individu-individu yang berpengaruh, seperti wacana Perdana Menteri Malaysia (Shahrolnizam & Rohaidah, 2021; Sara Beden, 2020; Aminuddin et. al, 2021) namun pendekatan yang digunakan setentunya berlainan dengan kajian yang diungkayahkan. Perkara ini setentunya memberikan peluang dan ruang yang cukup luas untuk menjalankan penyelidikan berkaitan wacana covid-19 melalui perutusan rasmi yang disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Brunei dengan memanfaatkan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993). Penyelidikan ini memanfaatkan kaedah analisis teks dengan menumpukan pada kelima-lima pengkategorian teori retorik moden, iaitu pendedahan, penerangan, pemujukan, penceritaan dan penghujahan. Kajian ini bukan sahaja memfokuskan pada pengkategorian retorik, namun turut menampilkan peranan dan fungsi-fungsi yang dimainkan oleh setiap jenis retorik yang digunakan. Perihal ini dilakukan agar setiap usaha yang didasari dengan unsur-unsur retorik itu dapat diperjelaskan dan dibuktikan.

Metodologi Kajian

Pengutipan data bagi penyelidikan ini sepenuhnya tertumpu pada sumber yang berbentuk sekunder, iaitu dengan menelaah sejumlah kajian dan pandangan para sarjana melalui artikel, buku dan sebagainya. Di samping itu, proses penganalisan teks melalui kaedah pentranskripsian turut dilakukan bagi menyempurnakan kajian ini dengan mengaplikasikan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993). Melalui pendekatan ini, setiap penanda leksikal dapat diteliti dan seterusnya dikategorikan berdasarkan jenis-jenis retorik yang digariskan di dalam teori berkenaan iaitu pendedahan, penerangan, pemujukan dan penghujahan. Dengan mengetengahkan beberapa contoh petikan mengikut jenis retorik yang telah dikelompokkan tersebut, setiap peranan dan fungsi bagi penanda-penanda retorik itu dapat diuraikan dan diperbincangkan secara terperinci. Hal ini merangkumi keutamaan sifat, tugas dan kesan yang dapat menjamin keberkesanan penggunaannya dalam sesebuah wacana. Dapatan daripada penyelidikan ini setentunya dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap keberkesanan penggunaan bahasa retorik dalam perutusan rasmi kerajaan. Selain itu, perkara ini juga dapat membuktikan kredibiliti retorik yang mampu menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara. Sejumlah 20 buah video siaran media Kementerian Kesihatan, Brunei telah dikenal pasti dan ditranskripsi selaras dengan objektif kajian. Kesemua siaran media yang diperolehi itu merupakan siaran secara langsung yang melaporkan situasi terkini

penularan jangkitan *covid-19* di Negara Brunei Darussalam dan disampaikan secara rasmi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Reka Bentuk Kajian

Penganalisan teks dalam kajian ini hanya tertumpu pada penggunaan bahasa retorik berpandukan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dengan menghuraikan secara tuntas setiap pengkategorian yang digariskan di dalamnya. Oleh itu, langkah-langkah bagi menyelenggarakan kajian ini adalah seperti berikut;

Pengutipan dan pentranskripsian data

Keperluan penyelidikan yang merangkumi video-video siaran media rasmi daripada Kementerian Kesihatan mengenai situasi terkini penularan jangkitan *covid-19* di Negara Brunei Darussalam yang bermula pada 07 Ogos 2021 sehingga 26 Ogos 2021 (20 buah video). Hal ini telah membuka ruang yang luas bagi usaha-usaha dilakukan untuk memperolehi kesemua siaran media tersebut melalui aplikasi RTB-Go dengan menyimpan kesemua pautan yang berkaitan dan mengenal pasti setiap variasi retorik yang dimanfaatkan di setiap siaran secara langsung tersebut. Setelah dikenal pasti, proses memperolehi data ini diteruskan dengan proses pentranskripsian keseluruhan teks yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Brunei agar mempermudah lagi proses tersebut. Biarpun teks-teks bagi artikel yang dibacakan berkenaan turut disediakan di dalam aplikasi BruHealth Brunei namun artikel-artikel tersebut tidaklah bersifat lengkap dan hanya berupa ringkasan bagi keseluruhan siaran media yang dimaksudkan.

Pengkategorian dan penganalisan data

Data yang ditranskripsi akan melalui proses pengkategorian dan penganalisan mengikut jenis-jenis retorik yang digariskan di dalam Teori Retorik Moden (1993), iaitu pendedahan, penerangan, pemujukan, penghujahan dan penceritaan. Setiap jenis retorik yang dikategorikan akan dianalisis mengikut pendekatan yang bersesuaian dan selari dengan teori yang digunakan. Pengkategorian tersebut dibuat berdasarkan penanda linguistik berupa golongan kata, frasa, partikel dan selainnya selaras dengan definisi yang dibawa oleh setiap jenis retorik tersebut. Misalnya, retorik pemujukan digunakan untuk mempengaruhi atau memujuk seseorang untuk bersetuju dengan pendapat atau gagasan yang dibangkitkan penutur sehingga menyebabkan pendengar berubah persepsi sebagaimana yang dihasratkan penutur. Melalui definisi retorik pemujukan ini, setiap penggunaan bahasa perlulah memiliki unsur-unsur yang boleh memberikan penekanan atau penegasan tertentu, seperti penggunaan kata larangan yang bertujuan untuk menegah seseorang melakukan sesuatu. Selain itu, penganalisan yang dilakukan ini turut mengambil kira unsur linguistik yang berkaitan agar dapat mencapai objektif kajian yang ketiga, iaitu untuk mengetahui peranan dan fungsi setiap pemanfaatan bahasa retorik yang diterapkan.

Perbincangan dan kesimpulan

Data yang telah dianalisis akan diperbincangkan secara teliti dengan mengutamakan dapatan yang berpotensi bagi menyempurnakan objektif dan kepentingan kajian.

Kerangka Teori

Teori Retorik Modern yang diperkenalkan oleh Enos dan Brown (1993) merupakan perkembangan daripada teori retorik klasik yang diasaskan oleh Aristotle ketika zaman Yunani-Rom dahulu (Nor Azuwan *et. al.*, 2018:4). Secara umumnya, retorik merupakan sebahagian daripada bidang linguistik yang mampu membantu penggunaannya menampilkan penggunaan bahasa yang berestetika, indah dan efektif sama ada dalam bentuk lisan mahupun penulisan (Azrul Azuan & Hajah Nor Azuwan, 2015). Retorik memiliki dua pecahan utama, iaitu retorik pengucapan dan retorik penulisan. Retorik pengucapan lebih memfokuskan kepada kemahiran komunikasi secara lisan seperti pengucapan awam. Manakala, retorik penulisan pula lebih cenderung kepada melahirkan keyakinan yang setentunya mampu mempengaruhi pendengarnya (Tasmara, 1987). Di samping itu, retorik turut dikatakan sebagai suatu bahasa yang mampu memberikan tindakan dan mempengaruhi emosi khususnya dalam setiap perancangan pembangunan sosio-ekonomi yang dilaksanakan sesebuah negara (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016). Selain itu, Asmah (1988) menanggapi bahasa retorik sebagai bahasa yang berpengaruh kerana peranan bahasa retorik sangat menyerlah terutamanya dalam komunikasi periklanan sama ada dalam bentuk lisan mahupun penulisan. Berdasarkan penelitian beliau, penggunaan bahasa retorik bukan sekadar bahasa yang menarik ataupun indah, tetapi turut mampu memberikan kesan yang cukup positif terhadap usaha penjualan suatu perniagaan sehingga mencapai keuntungan yang cukup lumayan. Dalam pada itu, penggunaan bahasa retorik ini telah memfokuskan pada lima jenis retorik, iaitu pendedahan, penceritaan, pemujukan, penghujahan dan penerangan.

Menurut Muhammad Mazlan & Zaitul Azma (2016:7) teori Retorik moden mempunyai beberapa prinsip tertentu, iaitu;

- i. Retorik memiliki variasi bentuk bahasa, iaitu tidak berbentuk terang-terangan atau langsung. Sebaliknya, bahasa retorik itu bersifat estetik dan menarik.
- ii. Retorik mempunyai kepelbagaian dari sudut makna. Gaya retorik lazimnya tidak mengungkapkan makna secara langsung atau makna yang literal. Namun, ia lebih menjurus kepada makna berunsurkan tersirat atau makna sebenar sesuatu ujaran yang difahami berdasarkan rangkaian ayat-ayat, konteks dan kontekstual.
- iii. Retorik bertujuan untuk memberikan kesan tertentu. Penggunaan retorik dalam sesuatu ujaran atau penulisan itu memiliki objektif yang terperinci yang ingin dicapai oleh penutur atau penulis seperti dalam usaha bagi memperjelaskan sesuatu dengan teliti, mewujudkan emosi tertentu, dan berpotensi dalam memberikan pengaruh kepada minda khalayak.

- iv. Retorik mementingkan unsur keindahan dalam pemilihan kata dan penyusunan ayat. Ia lebih cenderung kepada penggunaan dan pemilihan kata yang mempunyai nilai-nilai seni yang memiliki kehalusan makna dan memperlihatkan elemen kebijaksanaan, kejelasan, keanggunan, kefasihan (kelancaran), dan keadilan (keyakinan).
- v. Selain itu, setiap ungkapan retorik yang cuba untuk difahami atau diinterpretasikan oleh pendengar atau pembaca itu setentunya memerlukan keupayaan kognitif, psikologi, pemahaman sosial dan persekitaran bahasa yang tertentu. Jelasnya, bagi memahami dan menginterpretasi makna sesuatu ungkapan retorik, pemahaman terhadap sejumlah konteks atau semua unsur yang mempengaruhi sesuatu ungkapan atau ujaran diperlukan kerana titik kebenaran semantik tidak akan diperolehi jika makna yang difahami itu hanyalah berbentuk makna logik semata-mata.

Analisis Dan Perbincangan

A. Retorik Pendedahan

Retorik pendedahan turut dikenali sebagai *exposition* yang membawa maksud mendedahkan, menghuraikan, menyingkap mahupun menunjukkan sesuatu perkara agar pihak yang mendengarnya mengetahui dan dapat memahami dengan jelas (Mohd Sidin, 1999:3). Dalam erti kata yang lain, retorik pendedahan ini merupakan pemindahan suatu konsep atau idea daripada fikiran penutur kepada pihak pendengar mahupun pembaca. Retorik pendedahan ini lazimnya menggunakan beberapa cara yang mudah dalam menyampaikan atau memberitahu sesuatu perkara kepada pihak lain. Ini merangkumi unsur pen definisian, pengkategorian, pernyataan secara bersistematik, perbandingan dan seumpamanya (Mohd Sidin, 1999:5). Kesemua unsur ini memiliki fitur-fitur tertentu yang dapat dikenal pasti. Dalam pada itu, perkara ini boleh diperhatikan melalui contoh-contoh yang dikemukakan berikut;

1. Pendedahan menggunakan penanda **ialah/ adalah/ merupakan**.

Teknik pendedahan menggunakan kata tugas pemerian atau penerangan bagi sesuatu perkara yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama. Kata pemerian bagi **ialah** dan **adalah** memiliki fungsi untuk menerangkan atau menghuraikan suatu pengertian, istilah, kata nama, frasa nama, frasa adjektif dan sebagainya (Nik Safiah *et. al*, 1993:250). Dalam contoh (1a) jelas menunjukkan bahawa kata pemerian **ialah** diletakkan selepas frasa nama 'kes 340' bagi memberikan keterangan lanjut mengenai frasa nama tersebut dengan lebih tuntas. Manakala, dalam (1b), kata pemerian **adalah** digunakan untuk memberikan keterangan yang lebih jelas kepada masyarakat umum mengenai amalan tanggungjawab sosial yang perlu dipraktikkan. Dalam contoh kedua ini, penggunaan kata pemerian **adalah** diletakkan selepas frasa nama 'orang ramai'.

- a. Kes 340 **ialah** seorang perempuan berumur 37 tahun yang telah mula mengalami tanda-tanda jangkitan ringan pada 03 Ogos 2021. (Data 07 Ogos 2021, No.6)
 - b. Orang ramai **adalah** dinasihatkan untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, penjarakan fizikal dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadiri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis. (Data 07 Ogos 2021, No.37)
2. Pendedahan menggunakan penanda **seperti/ seperti berikut**.
Teknik pendedahan menggunakan kata-kata sendi nama ‘seperti berikut’ dan ‘seperti’. Kedua-dua kata sendi nama ini sering digunakan untuk memberikan beberapa contoh, langkah-langkah mahupun panduan tertentu yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama (Nik Safiah *et. al*, 1993:265). Hal ini dilakukan bagi memberikan maklumat tambahan mahupun pengukuhan tertentu bagi pendedahan dan penghuraian yang dikemukakan sebelumnya. Dalam (2a) **seperti berikut** digunakan bagi menghuraikan perkara yang hendak ditekankan, iaitu bagi frasa *swabbing centre*. Manakala, contoh (2b) pula menggunakan penanda **seperti** bagi menjelaskan contoh-contoh tempat bagi para petugas barisan hadapan menjalankan tugas. Dalam pada itu, penggunaan kata sendi nama seperti yang diterangkan ini setentunya memiliki kepentingannya yang tersendiri dalam mendedahkan ataupun menghuraikan penekanan-penekanan tertentu yang ingin disampaikan oleh penutur.
- a. Berikutan dengan peningkatan kes-kes jangkitan *covid-19* ini, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan khususnya mereka yang berkemungkinan terdedah kepada mana-mana kluster untuk segera mendapatkan rawatan dan melakukan saringan ujian SARS-CoV-2 di *swabbing centre* **seperti berikut**;
 - Kompleks Sukan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
 - Pusat Saring Hospital Suri Seri Begawan
 - Pusat Kesihatan Berakas
 - Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
 - Pusat Kesihatan Seria.
 (Data 08 Ogos 2021, No.40)
 - b. Orang ramai diminta untuk bertutur dengan sopan, bertimbang rasa dan berhemah dengan petugas-petugas kesihatan dan barisan hadapan yang lain **seperti** talian nasihat kesihatan 148, hospital dan pusat kesihatan, pusat vaksinasi dan pusat swabbing. (Data 09 Ogos 2021, No.18)
3. Pendedahan menggunakan penanda **dengan/ mengenai**.
Meskipun kata sendi nama dan kata terbitan mempunyai bentuk yang berbeza, kedua-duanya memainkan fungsi yang serupa, sama ada sebagai keterangan

ataupun penegasan bagi perkara yang ingin didedahkan terutamanya kata nama atau frasa nama, kata kerja dan kata sifat (Nik Safiah *et. al*, 1993:252). Contoh (3a) telah menggunakan kata **dengan** untuk memberikan penegasan terhadap isu peningkatan kes-kes tempatan. Manakala contoh (3b) pula menggunakan kata **mengenai** untuk merujuk sesuatu yang ingin dibicarakan atau untuk menerangkan sesuatu, iaitu dalam konteks petikan di atas merujuk kepada keberkesanan vaksinasi di Negara Brunei Darussalam yang diikuti dengan huraian lanjut mengenainya (Nik Safiah *et. al*, 1993:264).

- a. **Dengan** negara sekarang berdepan dengan peningkatan kes-kes tempatan ataupun *community transmission*, vaksinasi *covid-19* ditambah dengan langkah-langkah penjarakan fizikal dan pemakaian sungkup muka kekal menjadi langkah yang efektif untuk membantu Negara Brunei Darussalam mengawal wabak ini. (Data 10 Ogos 2021, No.15)
 - b. Analisa awal **mengenai** keberkesanan vaksinasi di Negara Brunei Darussalam menunjukkan pengambilan vaksin 2 dos suntikan *covid-19* adalah lebih daripada 70% berkesan dalam mengurangkan jangkitan termasuk jangkitan tanpa tanda-tanda penyakit. (Data 10 Ogos 2021, No.19)
4. Pendedahan menggunakan penanda ayat penyata.
- Teknik pendedahan juga boleh hadir dalam bentuk ayat penyata, iaitu frasa yang digunakan untuk mengungkapkan secara langsung diikuti huraian yang terperinci mengenainya. Sebagai contoh, **54 kes baru jangkitan covid-19** pada (4a) jelas menggambarkan ayat penyata mengenai jumlah kes baru jangkitan *covid-19* yang direkodkan di Negara Brunei Darussalam pada tarikh yang diumumkan. Petikan ini turut diikuti dengan huraian lanjut mengenai 54 kes baru tersebut sepertimana yang terdapat dalam Data 11 Ogos 2021 bermula no. 3 sehingga no. 8. Manakala, contoh (4b) pula menggunakan ayat penyata **dikenali sebagai** yang diikuti huraian secara langsung bagi kluster tersebut, iaitu kluster imigresen. Dengan huraian yang diberikan selepas kedua-dua frasa tersebut, pendengar didedahkan dengan kenyataan tertentu yang ingin ditimbulkan atau disampaikan oleh penutur kepada pihak pendengar. Melalui cara sedemikian, bukan sahaja dapat memberikan pengetahuan baru dalam minda pendengar malah turut memberikan potensi tertentu dalam menggerakkan fikiran mereka untuk menghayati suatu perkara yang telah dikemukakan oleh penutur.
- a. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 2 Muharam 1443H bersamaan dengan 11 Ogos 2021, **54 kes baru jangkitan covid-19** telah disahkan di negara ini yang membawa jumlah keseluruhan kes jangkitan *covid-19* di negara ini kepada 494 orang. (Data 11 Ogos 2021, No.2)
 - b. Kluster ini sekarang **dikenali sebagai** kluster imigresen. (Data 11 Ogos 2021, No.5)

5. Pendedahan menggunakan penanda kata bilangan.

Selain menggunakan penanda-penanda yang telah diuraikan di atas, retorik pendedahan juga menggunakan kata bilangan bagi mengurai atau mendedahkan sesuatu. Kata bilangan yang sering digunakan dalam teks-teks keputusan rasmi kerajaan ini adalah seperti keseluruhan, sebanyak dan seramai. Kata bilangan ini bukanlah semata-mata untuk memberikan jumlah dan nombor tentang sesuatu yang ingin disampaikan malah penggunaannya turut berfungsi dalam memberikan pendedahan langsung mengenai statistik atau fakta yang tidak dapat dihitung oleh akal manusia (Nik Safiah *et. al*, 1993:272). Perkara ini jelas dengan meneliti penggunaan kata ‘sebanyak’ dan ‘keseluruhan’ yang tentunya memiliki peranannya yang tersendiri, iaitu untuk menyatakan bilangan yang tidak dapat dikira dan bilangan yang boleh dinyatakan dengan jumlah tertentu. Melalui pendedahan yang diberikan, kata bilangan sedemikian berfungsi untuk mengingatkan mahupun memberikan penekanan tentang suatu perkara yang dirujuk. Misalnya dalam contoh (5a), penggunaan **sebanyak** secara tidak langsung memberikan peringatan bahawa telah banyak ujian yang dilakukan bagi virus SARS-Cov-2. Di samping itu, kata **keseluruhan** pada ayat yang sama pula memberikan penekanan pada jumlah ujian makmal secara menyeluruh.

- a. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, **sebanyak** 2,353 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah **keseluruhan** ujian makmal yang dijalankan sejak Januari 2020 kepada 162,599 ujian. (Data 11 Ogos 2021, No.14)

Dengan memanfaatkan beberapa teknik pendedahan ini, topik atau subjek yang ingin disampaikan akan menjadi lebih menarik dan bermanfaat kepada pendengar. Secara tidak langsung, maklumat yang dikongsikan atau didedahkan akan memberikan impak atau kesedaran yang berpanjangan kepada diri mereka (pendengar) (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:11). Perihal ini selari dengan prinsip asas retorik sebagaimana yang dikemukakan oleh Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma (2016:7) yang menyatakan bahawa retorik memiliki tujuan untuk memberikan kesan tertentu terutama dalam mempengaruhi minda dan emosi khalayak.

B. Retorik Penerangan

Retorik penerangan lebih tertumpu kepada gambaran sesuatu perkara yang ingin dibicarakan. Hal ini termasuk gambaran tentang suatu imej, perasaan mahupun keadaan tentang sesuatu yang melibatkan seseorang individu ataupun sesuatu yang tidak bernyawa (Amida, 2015:85). Penjelasan ini berasal daripada perkataan Latin *describere* yang membawa maksud untuk menulis atau mengilustrasikan sesuatu dengan lanjut dan terperinci (Mohd Sidin, 1999:8). Selain itu, penggunaan retorik penerangan lebih

difokuskan pada huraian tentang gambaran sesuatu perkara yang dilakukan secara terperinci sehingga dapat memberikan imej yang lebih jelas dan tepat dan boleh dibayangkan pendengar (Nor Azuwan, Zaitul Azma & rakan-rakan, 2018:10). Dalam erti kata lain, pendengar akan mudah terpengaruh dengan apa yang disampaikan oleh penutur kerana setiap penerangan yang diberikan akan membawa fikiran atau perasaan pendengar seolah-olah melihat, mendengar atau mengalaminya sendiri. Lazimnya, retorik penerangan ini dikaitkan dengan jawapan bagi kata tanya seperti apa, mengapa, di mana, siapa, bila dan sebagainya. Perihal ini turut selari dengan definisi yang dikemukakan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2016:1605) yang mengertikan kata ‘tanya’ sebagai permintaan keterangan ataupun penjelasan. Oleh itu, contoh-contoh penggunaan teknik penerangan ini bolehlah diperhatikan seperti berikut;

6. Penerangan menggunakan ayat tanya **bagaimana/ siapa/ bila/ di mana**.

Teknik penerangan menerusi pertanyaan ‘siapa’ merujuk kepada manusia yang memainkan watak atau peranan utama dalam suatu situasi yang dimaksudkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016:1485). Contoh (6a) menunjukkan bahawa kes-kes dalam kluster-kluster aktif yang dimaksudkan adalah **mereka yang sedang menjalani kuarantin**. Meskipun petikan ini tidak menggunakan ayat tanya secara langsung namun kenyataan yang diberikan merujuk kepada jawapan bagi kata tanya ‘siapa’ atau watak utama yang dimaksudkan bagi petikan berkenaan. Frasa ini juga merupakan jawapan kepada soalan “Siapakah kes-kes yang berada dalam kluster-kluster aktif itu?”

- a. Kes-kes dalam kluster-kluster aktif ini adalah **mereka yang sedang menjalani kuarantin** setelah didapati mempunyai kontak dengan beberapa kes positif sebelumnya. (Data 12 Ogos 2021, No.10)

Manakala contoh (6b) pula merujuk kepada jumlah bilangan bagi sesuatu yang dimaksudkan. Dalam hal ini, ia memberikan huraian lanjut mengenai jawapan bagi kata tanya ‘berapa’ yang diajukan berkenaan jumlah sesuatu (bilangan) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016:167). Frasa **218 kes aktif** pada contoh (6b) merupakan jawapan kepada pertanyaan berikut “Berapakah jumlah kes aktif yang telah direkodkan di Negara Brunei Darussalam?”

- b. Ini bermakna terdapat **218 kes aktif** telah direkodkan di Negara Brunei Darussalam. (Data 12 Ogos 2021, No.14)

Beberapa contoh yang dikemukakan ini telah memperlihatkan dengan jelas mengenai setiap perkara yang ingin diterangkan kepada pendengar. Ini menjadikan setiap penerangan yang disampaikan penutur boleh difahami dengan lebih efisien dan teratur. Di samping itu, retorik penerangan ini juga mampu memberikan gambaran terperinci dalam membantu pendengarnya memahami maksud yang cuba diperjelaskan. Hal ini turut memperlihatkan bahawa penerapan unsur-unsur yang terdapat dalam retorik penerangan ini akan memberikan pengaruh yang besar dalam

memberikan kefahaman kepada pendengar. Penggunaan unsur-unsur sedemikian juga telah menjadikan setiap penggunaan bahasa lebih bervariasi dan tampak menarik selaras dengan prinsip asas retorik moden yang menetengahkan elemen estetik dan kepelbagaian (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7).

C. Retorik Pemujukan

Retorik pemujukan merupakan kaedah yang agak popular dalam kalangan ahli-ahli politik, bidang perniagaan, bidang periklanan dan sebagainya. Ini kerana setiap teknik dalam retorik pemujukan mampu membantu penuturnya mencapai tujuan mahupun objektif tertentu (Lim Kim Hui & Har Wai Mun, 2014:195). Dalam pada itu, retorik pemujukan bolehlah didefinisikan sebagai penggunaan bahasa yang mampu menarik minat pendengar agar sama-sama bersetuju dengan topik yang dibangkitkan oleh penutur diikuti dengan pertimbangan pihak pendengar sebagaimana yang diharapkan oleh penutur (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7). Selain itu, teknik penggunaan bahasa yang terdapat dalam retorik pemujukan ini juga agak berbeza berbanding retorik yang lain. Hal ini kerana retorik pemujukan lebih terarah kepada bagaimana penutur mampu mengubah persepsi, emosi dan tingkah laku pendengar sehinggakan pendengar terus bertindak untuk melakukan perkara-perkara tertentu sebagaimana yang dihasratkan oleh penutur. Oleh yang demikian, retorik pemujukan dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pemujukan rasional dan pemujukan tidak rasional (Azrul & Nor Azuwan, 2015:8). Pemujukan rasional lebih tertumpu kepada penyampaian hujah yang mampu mempengaruhi pendengar manakala pemujukan tidak rasional pula lebih mementingkan penyampaian yang boleh menyentuh emosi pendengar yang seterusnya akan mempengaruhi fikiran dan tindakan mereka selanjutnya. Berikut merupakan contoh-contoh bagi retorik pemujukan yang ditemui dalam teks-teks perutusan rasmi kerajaan;

7. Pemujukan melalui partikel ‘-lah’.

Dalam kedua-dua contoh (7a) dan (7b), penanda partikel ‘-lah’ digabungkan pada kata **bolehlah** dan **kesihatanlah**. Meskipun penggunaannya pada ayat (7a) dan (7b) tidak diletakkan di hadapan ayat, ia tetap mendukung fungsi yang sama iaitu untuk memberikan penekanan serta sebagai peringatan yang berterusan kepada pendengar. Ini bersesuaian dengan peranan partikel yang sering diletakkan di hadapan ayat iaitu sebagai penanda tertentu dalam hujah yang disampaikan (Nik Safiah et al, 1993:248), sama ada berupa penekanan, penegasan, pengukuhan mahupun pernyataan secara halus bagi sesuatu arahan yang berupa ajakan atau peringatan (Abdullah, 2013:191). Dalam hal ini, penekanan **bolehlah** pada ayat (7a) membawa maksud dapat atau diizinkan untuk menghubungi talian 7455109 bagi sesiapa yang ingin menjadi sukarelawan kesihatan. Manakala, frasa **pekerja-pekerja kesihatanlah** pada (6b) pula merupakan peringatan berupa pengkhususan kepada para petugas kesihatan.

- a. Bagi membantu Kementerian Kesihatan menangani keadaan wabak yang semakin meningkat pada masa sekarang, Kementerian Kesihatan mengalu-

alukan mana-mana pekerja kesihatan yang pada masa ini bekerja di klinik-klinik swasta atau yang sudah bersara dan mempunyai keupayaan serta berhasrat untuk menjadi sukarelawan kesihatan, **bolehlah** menghubungi talian ini, 7455109. (Data 12 Ogos 2021, No.17)

- b. So, ani dikhaskan untuk **pekerja-pekerja kesihatanlah** sahaja buat masa ini. (Data 12 Ogos 2021, No.18)

8. Pemujukan melalui kata pinjaman.

Dalam teknik pemujukan ini, pemilihan sesuatu kata di dalam sesebuah ayat perlulah diberikan perhatian yang selayaknya agar penggunaannya menjadi lebih tepat dan boleh memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada pendengar. Berdasarkan kedua-dua contoh yang diberikan, terdapat beberapa kata pinjaman yang digunakan, iaitu *heat exhaustion* dan *work from home*. Jika dilihat penggunaan bagi kedua-dua frasa ini, pengaplikasiannya lebih mudah difahami dan lebih kerap digunakan berbanding penggunaannya di dalam istilah Bahasa Melayu. Bagi contoh (8a), istilah ***heat exhaustion*** merupakan kata pinjaman yang diambil daripada Bahasa Inggeris dalam bidang sains kesihatan. Ia merujuk kepada keadaan seseorang yang keletihan disebabkan haba atau panas yang berlebihan. Menurut King dan Barry (1962:452), *heat exhaustion* ini merupakan salah satu jenis penyakit yang turut dikategorikan sebagai penyakit haba (*heat illness*) selain daripada jenis yang lainnya seperti *heatstroke*, *heat hyperpyrexia*, *heat syncope*, *prickly heat* dan *heat oedema*. Manakala, istilah ***work from home*** pada contoh (8b) pula mula digunakan sejak isu penularan *covid-19* semakin merebak. Istilah tersebut semakin hangat digunakan bukan sahaja dalam kalangan masyarakat tempatan malah masyarakat global umumnya. Oleh yang demikian, jika istilah *work from home* ini dipindahkan ke dalam Bahasa Melayu, yang bermaksud 'bekerja dari rumah'. Perkara ini berkemungkinan menimbulkan kejanggalan dalam masyarakat kerana istilah sedemikian jarang atau tidak pernah digunakan sebelumnya.

- a. Beliau telah datang untuk mendapatkan rawatan di hospital berkenaan tetapi beliau terpaksa menunggu agak lama sehingga beliau menghadapi masalah keletihan haba atau ***heat exhaustion***. (Data 14 Ogos 2021, No.17)
- b. Teranah tah di rumah dan lakukan kaedah ***work-from-home*** bagi membantu Kerajaan mengurangkan penularan wabak *covid-19* di negara ini. (Data 14 Ogos 2021, No.26)

9. Pemujukan melalui kata perintah.

Selain daripada penggunaan partikel '-lah' dan kata pinjaman, teknik pemujukan juga cenderung menggunakan kata-kata yang berbentuk perintah sama ada bertujuan untuk mengarahkan, menegur, menyuruh, melarang, menyeru, memberi peringatan dan sebagainya (Abdullah, 2013:190). Perihal ini boleh diteliti melalui penanda-penanda tertentu seperti kata **diarahkan** pada contoh (9a) dan **tidak dibenarkan** pada contoh (9b). Kata perintah sedemikian bersifat langsung kerana kata

‘diarahkan’ yang bertujuan untuk mengarahkan ini bermaksud bahawa setiap individu yang dikenal pasti mempunyai kontak terdekat adalah dikehendaki untuk menjalani kuarantin mandatori dan ujian RT-PCR SARS-CoV-2. Manakala **tidak dibenarkan** pada contoh (9b) pula digunakan dalam konteks larangan bagi individu yang tidak boleh keluar daripada tempat kediaman mereka untuk mengasingkan diri daripada ahli keluarga dan mengambil ubat-ubatan yang perlu. Selain penggunaan kata-kata perintah yang dipaparkan, kajian ini juga turut menjumpai penggunaan kata perintah ‘hendaklah’, ‘dikehendaki’, ‘menasihatkan’, ‘menyeru’, ‘diminta’, ‘marilah’ dan yang seumpamanya bagi tujuan penegasan atau penekanan. Perkara ini juga menunjukkan bahawa setiap butiran yang dikongsikan adalah wajar digunakan demi menjaga kepentingan bersama.

- a. Semua kontak terdekat yang dikenal pasti akan **diarahkan** untuk menjalani kuarantin mandatori dan ujian RT-PCR SARS-CoV-2. (Data 15 Ogos 2021, No.12)
- b. Walau bagaimanapun, mereka **tidak dibenarkan** untuk keluar rumah bagi mendapatkan ubat-ubatan tersebut dan hendaklah mengasingkan diri dengan ahli keluarga. (Data 16 Ogos 2021, No.21)

10. Pemujukan melalui penegasan sifat.

Menerusi teknik pemujukan jenis ini, penekanan atau penegasan sifat dilakukan terhadap sesuatu sama ada pada manusia, peristiwa, situasi dan sebagainya. Dalam contoh (10a), teknik pemujukan ini dizahirkan melalui penggunaan frasa **mengurangkan risiko** dan **lebih berkesan**. Melalui teknik ini, penutur dengan mudah akan mempengaruhi fikiran pendengar kerana adanya ketinggian nilai maksud yang menjadikan maklumat yang disampaikan lebih serius. Dalam contoh (10a) risiko jangkitan tersebut boleh dikurangkan melalui keberkesanan penggunaan vaksin. Di samping itu, penggunaan teknik pemujukan melalui penegasan sifat ini juga mampu menarik perhatian dan penghayatan daripada pihak pendengar kerana penekanan yang diberikan akan menjadikan pendengar semakin cakna dan tertarik untuk mengetahuinya dengan lebih lanjut.

- a. Selain dari **mengurangkan risiko** jangkitan, vaksin juga didapati **lebih berkesan** dalam mengurangkan risiko penyakit yang teruk. (Data 10 Ogos 2021, No.20)

11. Pemujukan melalui istilah saintifik.

Penggunaan istilah saintifik sering digunakan dalam perutusan rasmi, sesuai dengan subjek utama yang dibincangkan. Dalam konteks ini, subjek utama berfokus kepada isu penularan virus *covid-19* atau istilah saintifiknya dikenali sebagai *severe acute respiratory syndrome coronavirus 2* (SARS-CoV-2) (Sambit *et. al*, 2020:2). Di samping itu, penggunaan istilah saintifik mampu menarik perhatian pendengar agar terus peka dengan isu yang dibangkitkan. Penggunaan istilah saintifik juga

menjadikan topik yang diperkatakan lebih serius sekaligus mampu mempengaruhi tindakan penutur agar menjadi lebih berwaspada mengenai isu penularan yang dijelaskan. Dalam contoh (11a), **RT-PCR SARS-CoV-2** merujuk kepada *reverse-transcriptase polymerase chain reaction* (RT-PCR) dan *severe acute respiratory syndrome coronavirus 2* (SARS-CoV-2) (Li *et. al*, 2020:1). Penggunaan istilah ini merujuk kepada ujian yang dijalankan bagi mengenal pasti sama ada seseorang itu telah dijangkiti virus tersebut ataupun tidak (Li *et. al*, 2020:1). Manakala, contoh (11b) pula menggunakan istilah **ECMO** yang bermaksud *extracorporeal membrane oxygenation* (Allen *et. al*, 2012:13). Istilah ini merujuk kepada mesin bantuan yang digunakan bagi menambah kadar oksigen yang diperlukan di dalam tubuh seseorang di samping membuang atau mengurangkan kadar karbon dioksida yang berlebihan. Penggunaan mesin ini juga boleh membantu pesakit bagi tempoh beberapa hari atau beberapa minggu (Allen *et. al*, 2012:13).

- a. Pengesanan kontak bagi kes-kes baru ini masih giat dijalankan dan semua kontak terdekat akan diarahkan untuk menjalani kuarantin mandatori dan ujian **RT PCR SARS-CoV-2**. (Data 18 Ogos 2021, No.8)
- b. Di kalangan kes-kes aktif tersebut, 3 kes masih dalam kritikal yang mana duanya memerlukan bantuan mesin pernafasan atau *artificial ventilation* dan 1 lagi kes memerlukan mesin tambahan *heart-lung machine* ataupun **ECMO**. (Data 20 Ogos 2021, No.18)

Ringkasnya, penggunaan retorik pemujukan menerusi penanda wacana yang telah dibincangkan mampu membantu penutur menyampaikan mesej dan makna yang tersirat sebagaimana yang dihasratkan. Penggunaan teknik pemujukan ini, walau bagaimanapun, tidak terhad kepada kelima-lima penanda yang telah disebutkan. Terdapat beberapa penanda yang tidak dinyatakan disebabkan skop kajian yang terhad seperti metonimi, bahasa figuratif, kata penguat dan simbol solidariti. Penggunaan teknik pemujukan ini juga mendukung elemen kebijaksanaan, kejelasan dan kefasihan pemberitaan maklumat selaras dengan prinsip asas teori retorik moden (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7). Secara tidak langsung, perihal sedemikian menjadikan wacana perutusan rasmi menjadi lebih meyakinkan, sempurna serta memberikan kesan yang efektif.

D. Retorik Penghujahan

Retorik penghujahan didefinisikan sebagai suatu usaha yang berbentuk rayuan secara intelektual yang diikuti beberapa bentuk kenyataan atau pengukuhan berupa alasan-alasan konkrit (Mohd Sidin, 1999:28). Perkara ini turut disokong oleh Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma (2016:10), yang menyatakan teknik penghujahan merupakan salah satu cara dalam memujuk pendengar agar mempercayai setiap penjelasan yang dikongsikan kepada mereka. Melalui teknik tersebut, pendengar akan lebih terpengaruh dan mula mempertimbangkan hujah-hujah yang telah didedahkan kepada mereka. Terdapat dua ciri

utama yang menggambarkan teknik penghujahan ini, iaitu wujudnya kenyataan atau gagasan yang perlu dihujahkan dan setiap penjelasan itu perlulah disertakan dengan bukti-bukti yang kukuh (Nor Azuwan *et. al*, 2018:11).

12. Tiga unsur retorik penghujahan

Menerusi retorik penghujahan, setiap pernyataan yang dikongsikan boleh hadir dalam bentuk andaian, penilaian, gagasan dan sebagainya. Setiap huraian pula perlu disokong dan dipertahankan agar mampu memberikan keyakinan pada pihak khalayak atau audiens yang mendengarnya. Dalam hal ini, Mohd Sidin (1999:36) telah menekankan tiga unsur utama dalam retorik penghujahan, iaitu i/ Kenyataan tesis atau idea pokok yang seharusnya diperkukuhkan; ii/ Alasan atau premis kenyataan, dan; iii/ Khalayak atau audiens yang perlu diyakinkan. Penggunaan retorik penghujahan ini bersesuaian dengan wacana perutusan rasmi memandangkan perlunya bukti yang kukuh agar pendengar lebih yakin dan tidak meragui fakta yang disampaikan. Dalam contoh (12a), penutur menekankan jumlah bilangan bagi virus SARS-CoV-2 menerusi fakta jumlah sampel yang diambil bagi tempoh 24 jam yang lalu, iaitu sebanyak 6,521. Kenyataan tersebut turut disertakan dengan jumlah keseluruhan ujian makmal yang telah dijalankan sejak bulan Januari 2020, iaitu sebanyak 195,607 ujian. Melalui penggunaan kata bilangan ini, kenyataan (tesis) mengenai ujian makmal dapat dibuktikan dan dijadikan sebagai hujah bagi meyakinkan pendengar. Hal ini disebabkan pembuktian (premis) dari sudut jumlah keseluruhan yang telah dihitung sejak bulan Januari 2020 lagi.

a. **TESIS:**

Ujian bagi virus SARS-CoV-2. (Data 21 Ogos 2021, No.16)

PREMIS:

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 6,521 sampel bagi virus SARS-CoV-2 telah diuji yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 195,607 ujian. (Data 21 Ogos 2021, No.16)

Manakala, dalam contoh (12b), penutur telah menghuraikan tentang lima kategori bagi kes-kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Hal ini memerlukan pembuktian (premis) sama ada menggunakan statistik ataupun kata bilangan bagi setiap kategori yang dimaksudkan agar dapat memberikan keyakinan yang lebih mendalam pada pendengarnya. Atas sebab itu, penutur telah memberikan statistik menggunakan peratus bagi setiap kategori. Perkara ini bukan sahaja untuk mendapatkan keyakinan pada pihak pendengar malah sekaligus memberikan peringatan tentang bahaya yang dihadapi oleh individu jika mereka dijangkiti. Dengan cara ini, setiap tesis atau kenyataan yang dibangkitkan menjadi lebih jelas dan diyakini kesahihannya di samping memberikan peringatan mahupun pengajaran secara halus kepada pihak pendengar.

b. **TESIS:**

Kes-kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan pusat-pusat pengasingan yang lain adalah dikategorikan kepada 5 kategori seperti berikut; kategori 1 adalah bagi kes-kes yang tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan, kategori kedua adalah kes-kes yang mempunyai tanda-tanda jangkitan tetapi tidak mempunyai jangkitan paru-paru atau pneumonia, kategori 3 adalah kes-kes yang mempunyai tanda-tanda jangkitan dan jangkitan paru-paru atau pneumonia, kategori 4 adalah kes-kes yang mempunyai jangkitan paru-paru atau pneumonia dan memerlukan tambahan oksigen. Kes-kes ini biasanya memerlukan pemantauan rapi di Unit Rawatan Intensif. Manakala kategori kelima adalah kes-kes kritikal yang mana jangkitan covid-19 telah menyebabkan masalah pada beberapa organ dalam badan. Kes-kes ini biasanya memerlukan bantuan-bantuan mesin pernafasan ataupun artificial ventilation ataupun heart-lung machine or ECMO. (Data 26 Ogos 2021, No.23)

PREMIS:

Pada masa ini, terdapat 70.6 peratus dalam kategori 1, 17.7 peratus dalam kategori 2, 6 peratus dalam kategori 3, 5.1 peratus dalam kategori 4 dan 0.8 peratus dalam kategori 5. (Data 26 Ogos 2021, No.24)

Rumusan Analisis

Daripada keseluruhan analisis yang dijalankan, empat daripada lima jenis retorik moden Enos dan Brown (1993) telah diterapkan, iaitu retorik pendedahan, penerangan, pemujukan dan penghujahan. Dapatan ini selaras dengan tujuan penyampaian teks rasmi iaitu untuk memberikan maklumat, arahan, nasihat, teguran, peringatan dan sebagainya khususnya dalam menyampaikan hujah-hujah yang berkaitan dengan peraturan yang ditetapkan pihak Kerajaan. Daripada keseluruhan data tersebut, sejumlah 405 petikan (34%) menggunakan retorik pendedahan, diikuti dengan 397 petikan (33%) bagi retorik pemujukan, 351 petikan (30%) bagi retorik penerangan dan hanya 36 petikan (3%) bagi retorik penghujahan. Purata ini menjelaskan bahawa retorik pendedahan merupakan teknik yang dominan digunakan diikuti retorik pemujukan dan penerangan. Perkara ini bersesuaian dengan objektif perutusan rasmi itu sendiri yang berfungsi untuk memberikan maklumat yang baharu di samping butiran yang perlu ditekankan. Selain itu, wacana ini juga tidak perlu memanfaatkan teknik penghujahan secara berlebihan kerana penghasilan dan penyampaian telah memenuhi piawaian rasmi sesebuah risalah kerajaan. Keutamaan teknik pemujukan juga telah membuktikan bahawa dengan pengaplikasian kata-kata mahupun frasa yang berunsurkan pemujukan dapat memberikan pengaruh yang positif kepada masyarakat umum agar bertindak sebagaimana yang dihasratkan.

Sehubungan itu, dapatan ini telah membuktikan bahawa penggunaan bahasa retorik dalam pewahanaan rasmi kerajaan merupakan strategi persuasive yang paling berkesan dalam memupuk jalinan kesefahaman dan kerjasama di antara pihak kerajaan dengan masyarakat umum. Dengan memanfaatkan bahasa secara kreatif setentunya apa yang dihasratkan dan ingin disampaikan itu dapat dipenuhi dan diterima masyarakat dengan mudah. Retorik

juga menjanjikan kesinambungan yang positif bagi setiap perutusan yang mengandungi arahan, teguran, peringatan mahupun nasihat terutamanya dalam situasi genting dan membimbangkan. Hal ini bertepatan dengan ciri-ciri khas retorik yang memberikan keyakinan terhadap sesuatu serta dapat mempengaruhi tindakan yang akan dilakukan oleh pendengar selanjutnya (Roderick, 1997:7). Dari sudut yang lain pula, penggunaan bahasa retorik jelas dapat membentuk keperibadian dan pemikiran masyarakat yang berintegriti. Inisiatif tersebut merangkumi kerjasama bagi mengatasi gejala yang berlaku dan mengurangkan beban kerajaan demi mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni, bersatu-padu dan sentiasa peka dalam menjamin kesejahteraan hidup yang berterusan.

Kesimpulan

Media massa telah banyak memberi impak kepada kehidupan manusia. Hal ini terbukti dengan memandang keutamaan dan peranan yang dimainkan oleh media tersebut dalam memastikan setiap maklumat yang disebarkan dapat memenuhi keperluan masyarakat dan seterusnya menjayakan objektif pihak yang berkepentingan. Dari itu, kewibawaan pihak kerajaan dalam memanfaatkan kemudahan berkenaan setentunya dapat mewujudkan pertalian yang erat antara sistem pentadbiran dan masyarakat umum. Hal ini dikhususnya dalam menghadapi pelbagai konteks mahupun situasi sulit seperti penularan jangkitan *covid-19* yang cukup membimbangkan. Oleh itu, penerapan bahasa retorik dalam warta rasmi kerajaan merupakan langkah terbaik demi menjamin keberkesanan penyampaian maklumat berkenaan usaha yang giat dilaksanakan. Hal ini juga dapat memberikan pengaruh yang positif terhadap pemikiran dan tindakan masyarakat secara menyeluruh agar keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara dapat dibentuk dan dipertahankan melalui kesefahaman dan kerjasama yang padu daripada semua pihak.

Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2005). 'Solidariti Sosial di Belawai: Suatu Keprihatinan Konseptual' dalam *Institute of Borneo Studies, Universiti Malaysia Sarawak*. (2015). *Publication Update Vol.1, No.1, November 2015. ISSN: 2462-1447*.
- Abdullah Hassan. (2013). *Linguistik Am: Siri Pengajian dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1997). *Komunikasi Untuk Pemimpin*. Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Allen, S., Holena, D., McCunn, M., Kohl, B. & Sarani, B. (2012). A Review of the Fundamental Principles and Evidence Base in the Use of Extracorporeal Membrane Oxygenation (ECMO) in Critically Ill Adult Patients. *Journal of Intensive Care Medicine*, (2012) 26:13.
- Amida Abdulhamid. (2015). *Retorik: Yang Indah Itu Bahasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminnudin Saimon, Lisa Licson, Nur Aisyah Mohamad Taufek, Siti Hajar Japar & Siti Nor Asmira Razali. (2021). *Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana*

- Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1):63-78.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob. (2015). Teknik Retorik dalam Novel Salina, Karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. ISSN 2289-7208. Vol. 2, No. 49-59. Febuari 2015.
- BBC NEW, Indonesia. (2020). Virus Corona: 'Kemungkinan Covid-19 Tidak Akan Pernah Hilang', Kata WHO. Dipetik daripada <https://www.bbc.com/indonesia/dunia-52657058>
- Beden, S. (2020). Kesejajaran Kesantunan Bahasa dalam Perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). *Jurnal Linguistik*, 24(1).
- Dimas Ahmad Rifandi & Irwansyah Irwansyah. (2021). Retorika Juru Bicara Satgas Covid-19 Di Platform Youtube. *Jurnal Teknologi Dan Sistem Informasi Bisnis*, 3(1), 64-77.
- Eko Harry Susanto. (2013). Media Massa, Pemerintah dan Pemilik Modal. *Jurnal Komunikasi, Volume 1*(6).
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). *Komunikasi antara Manusia*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hidzani Asti Rahyuni N & Izzudin Fuad. (2021). Dampak Covid-19 terhadap Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM) di Daerah Sukamelang Subang Jawa Barat. *Syntax Fusion: Jurnal Nasional Indonesia*, Vol. 1, No. 8, e-ISSN: 2775-4440.
- Justin Wong, Wee Chian Koh, Mohammad Fathi Alikhan, Anita B Z Abdul Aziz & Lin Naing. (2020). Responding to COVID-19 in Brunei Darussalam: Lessons for Small Countries. *JoGH, 2020 ISoGH, June 2020, Vol. 10, No. 1*, 010363.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khomsahrial Romli, M.Si. (2016). *Komunikasi Massa*. Jakarta: Penerbit PT Grasindo, Anggota Ikapi.
- King, B.A. & Barry, M.E. (1962). The Physiological Adaptations to Heat-Stress with a Classification of Heat Illness and a Description of the Features of Heat Exhaustion. *S.A. Medical Journal, The Ernest Oppenheimer Hospital, Welkom, Orange Free State*
- Lim Kim Hui & Har Wai Mun. (2014). *Jaringan Bahasa: Logik, Retorik dan Globalisasi*. Selangor Darul Ehsan.
- Mohamad Elmy Maswandi Suhaimi & Exzayrani Awang Sulaiman. (2020). Analisis Neologisme: COVID-19 Di Negara Brunei Darussalam. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, Jilid 11 Edisi Khas, 2020/ ISSN 1823-6812* (58-79).
- Mohanty, S.K., Satapathy, A., Naidu, M.M., Mukhopadhyay, S., Sharma, S., Barton, L.M., Stroberg, E., Duval, E.J., Pradhan, D., Tzankov, A. & Parwani, A.V. (2020). Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus-2 (SARS-CoV-2) and

- Coronavirus Disease 19 (COVID-19) – Anatomic Pathology Perspective on Current Knowledge. *Diagnostic Pathology*, 15:103.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak. (1999). *Ketrampilan Menulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat dalam Laporan Media Cetak. *Jurnal Linguistik*. ISSN 1823-9242, Vol. 20, No. 010-025.
- Muhammad Mukhlis, Akbar Al Masjid, Heny Kusuma Widyaningrum, Kokom Komariah & Sumarlam Sumarlam. (2020). Analisis Wacana Kritis Model Teun A. Van Dijk pada Surat Kabar Online dengan Tajuk Kilas Balik Pembelajaran Jarak Jauh Akibat Pandemi Covid-19. *GERAM: Jurnal Pendidikan, Bahasa dan Sastra*, 8(2), 73-85.
- Nik Safiah Karim. (1993). *Tatabahasa Dewan: Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Latifah A, Diaz Arya Dimaskara, Sarah Alfiah & Fini Fajrini. (2021). Edukasi Kesehatan (Protokol Kesehatan 6M) pada Ikatan Pelajar Muhammadiyah Cabang Ciputat Kota Tangerang Selatan Tahun 2021. Seminar Nasional Pengabdian Masyarakat 2021, Universitas Muhammadiyah Jakarta, 28 Oktober 2021. E-ISSN: 2714-6286.
- Nor AzuwanYaakob, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normaizura Md. Zain & Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2018). Penerapan Retorik dalam Penyampaian Ceramah Agama. *Jurnal Linguistik*. ISSN 1823-9242, Vol. 22, No. 054-067.
- Nuzuluddin Abdul Razak. (2021). COVID-19: Brunei Lapor 7 Kes Positif Selepas 457 Hari Tanpa KesTempatan. Dipetik daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/covid19-brunei-lapor-7-kes-positif-selepas-457-hari-tanpa-kes-tempatan-312892>
- Rijal Mamdud. (2019). Dakwah Islam di Media Massa. *Al-I'lam: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 3(1):47-54.
- Rodrick, P.H. (1997). *Modern Rhetorical Criticism Second Edition*. United State of America.
- Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya & Rohaidah Haron. (2021). Daya Ujaran dalam Wacana Perutusan Perdana Menteri Mengenai COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 72-80.
- Toto Tasmara. (1987). *Komunikasi Dakwah*. Jakarta, Indonesia: CV Gaya Media Pratama.
- Yafang Li, Lin Yao, Jiawei Li, Lei Chen, Yiyang Song, Zhifang Cai & Chunhua Yang. (2020). Stability Issues of RT-PCR Testing of SARS-CoV-2 for Hospitalized Patients Clinically Diagnosed with COVID-19. *Journal of Medical Virology*, Wiley.